



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### TIADA KOMPROMI DALAM ISU BERKAITAN BURUH PAKSA

---

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan dalam memerangi pelbagai isu perburuhan dan ini termasuklah isu Buruh Paksa. **KSM tidak akan sesekali berkompromi** tidak kira atas alasan apa juga berkaitan sebarang aduan mahupun makluman yang menjurus ke arah buruh paksa.
2. Pihak KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) berdasarkan peruntukan perundangan yang diberikan akan melaksanakan sebanyak mungkin operasi pemeriksaan sama ada secara bersepadu mahupun berperingkat. Kita juga akan bertindak terhadap sebarang aduan jika wujudnya elemen buruh paksa walau hanya satu daripada 11 indikator buruh paksa yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization: ILO*).
3. Saya juga turut menekan dalam menyediakan penginapan standard untuk pekerja, Malaysia juga telah meminda Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang bertujuan untuk memaksa majikan menyediakan standard minimum perumahan dan kemudahan, sekali gus meningkatkan kualiti hidup pekerja. Dalam menangani ketidaksamaan dan menyediakan perlindungan sosial yang inklusif kepada semua, Malaysia telah melanjutkan perlindungan keselamatan sosial bagi skim kecederaan pekerjaan kepada pekerja asing berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019. Langkah ini sejajar dengan prinsip teras Agenda Kerja Baik ILO.
4. Usaha dalam memerangi isu buruh paksa ini juga akan terus dikuatkuasa sebagai bukti kukuh selaras dengan komitmen negara yang telah meratifikasi konvensyen ILO berhubung buruh paksa iaitu *C029 – Forced Labour Convention, 1930* (No.29) pada 11 November 1957 dan *Protocol of 2014 to the Forced Labour Convention, 1930* (P029) yang telah diratifikasi pada 21 Mac 2022.

5. Pada Persidangan ILC yang ke-111 dalam ucapan saya pada 12 Jun 2023 lepas, saya telah menekankan komitmen Malaysia dalam usaha memerangi isu buruh paksa. Antaranya pindaan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) yang telah mewujudkan peruntukan baharu iaitu Seksyen 90B berhubung buruh paksa. Di samping itu, Malaysia juga telah melancarkan Pelan Tindakan Nasional (2021 – 2025) berhubung buruh paksa pada November 2021. Seterusnya, sebagai komitmen berterusan negara, Malaysia juga sedang dalam proses untuk menyertai Alliance 8.7 sebagai salah satu negara Pathfinder yang menyokong Sasaran SDG 8.7 yang bertujuan mempercepatkan penghapusan buruh paksa, perhambaan moden menjelang 2030 dan buruh kanak-kanak menjelang tahun 2025.
6. Kementerian juga akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan/Agensi Kerajaan negara-negara luar, pertubuhan antarabangsa, pertubuhan bukan Kerajaan, organisasi masyarakat sivil dan pihak berkepentingan yang relevan, untuk merealisasikan objektif Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Antipemerdagangan Orang 2021-2025 (NAPTIP 3.0), dan Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Buruh Paksa 2021-2025 (NAPFL).
7. KSM sekali lagi menegaskan bahawa kementerian tidak akan berkompromi dalam sebarang isu perburuhan lebih-lebih lagi isu buruh paksa dan pemerdagangan orang. Operasi dan penguatkuasaan dalam industri perburuhan akan terus dipergiatkan dan dilaksanakan bagi memastikan para majikan tidak kira dalam apa juga sektor akan terus mematuhi akta-akta yang kita kuatkuasakan.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
25 JUN 2023**